

BN Sabah jangka kemelut pembahagian kerusi pembangkang kelebihan untuk BN
Malaysian Insider
11 Februari, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 11 Feb — Kemelut pembahagian kerusi antara Pakatan Rakyat (PR) dan parti komponen pembangkang di Sabah dijangka akan memberikan kesan positif untuk Barisan Nasional (BN) di negeri berkenaan.

Pemimpin BN yang dihubungi The Malaysian Insider berkata pertelingkahan antara PR Pusat dan parti komponen seperti Parti Maju Sabah (SAPP), Angkatan Perubahan Sabah (APS), dan Pertubuhan Pakatan Perubahan Sabah (PPPS) itu juga akan digunakan sebaik mungkin kerana ia merupakan kelebihan untuk BN mengekalkan kuasa mereka di negeri di bawah bayu itu.

"Memang kita ada kelebihan ... tetapi kita (BN) mengambil ketetapan untuk tunggu dan lihat," kata Setiausaha BN Sabah, Datuk Abdul Rahman Dahalan kepada The Malaysian Insider.

"Ia turut bergantung kepada isu dan tempat," tambah Ahli Parlimen Kota Belud itu lagi.

Ahli Parlimen Silam, Salleh Kalbi turut bersetuju dengan kenyataan Abdul Rahman, dan menegaskan BN seharusnya tidak mengambil ringan berkenaan perebutan kerusi tersebut.

"BN jangan ambil ringan isu ini ... Kita akan memanfaatkan perkara ini," katanya.

Jelas Salleh, perebutan itu sama seperti apa yang berlaku kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) satu masa dahulu, yang mana ketika itu turut berlaku perbalahan mengenai kerusi di Sabah.

"Jelas sekali kesepakatan seperti itu tidak bertahan lama," tambahnya.

Ketua Penerangan PBS, Datuk Johnny Mositu yang dihubungi The Malaysian Insider menegaskan, daripada perbincangan formula kerusi antara PR dan rakan komponennya itu jelas menunjukkan pembahagian yang berat sebelah dan SAPP hanya memperoleh beberapa kerusi.

"PR dah bincang begitu lama tentang pembahagian kerusi ini tapi masih belum selesai, walaupun terbaru SAPP hanya diberikan beberapa kerusi.

"Saya rasa pucuk pimpinan SAPP boleh menilai, ia berlaku sama seperti PBS dulu, SAPP mungkin akan merasai nasib yang sama seperti PBS suatu masa dulu," katanya kepada The Malaysian Insider.

Jelas Johnny, sebelum ini PBS telah beberapa kali berbincang dengan Presiden Parti Datuk Seri Wan Azizah mengenai pembahagian kerusi semasa pilihan raya sebelum ini, namun isteri kepada Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim itu jelasnya tidak mengendahkan tuntutan mereka.

"Memang PBS pada masa itu telah memberi formula terbaik, namun PBS tidak dipedulikan sedangkan PBS adalah nadi rakyat Sabah.

The Malaysian Insider sebelum ini melaporkan rundingan kerusi PR dan SAPP telah dihentikan buat sementara waktu, menurut sekutu PR Datuk Seri Wilfred Mojilip Bumburing,

satu lagi petunjuk kegagalan pembangkang untuk bersatu dalam menghadapi BN dalam Pilihan Raya Umum ke-13.

Pemimpin dari kedua-dua parti itu mendakwa "pintu sentiasa terbuka" tetapi drama di belakang tabir menunjukkan sebaliknya.

Menurut Ketua Penerangan SAPP Chong Pitt Fah, ketua partinya Datuk Yong Teck Lee sebelum ini berkata Sabah rundingan kerusi dengan PR masih berjalan dan belum mencapai kata putus.

Akan tetapi apabila ditanya kepada bekas penyokong kuat BN mengenai perkembangan rundingan, Bumburing menyatakan sebaliknya.

The Malaysian Insider juga difahamkan PR tidak bersedia untuk menyerahkan kerusi kepada SAPP walaupun parti tersebut lebih dekat dengan penduduk tempatan di negeri Malaysia timur itu, menegaskan mereka adalah sebuah parti yang didominasi masyarakat Cina.

Timbalan Presiden PKR Mohamed Azmin Ali ketika berkata kepada The Malaysian Insider di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya sebelum ini turut mengakui perkara tersebut.

"SAPP adalah parti berasaskan Cina ... jadi siapa yang akan mewakili KDM (Kadazandusun dan Murut)? Sudah tentu mereka mendakwa sebagai parti berbilang kaum.. tetapi, asas mereka adalah Cina," katanya.

Abdul Rahman bagaimanapun menegaskan sudah menjadi kebiasaan untuk PKR merebut kerusi dengan jumlah yang besar, namun gagal untuk dimenangi.

"PKR ni pun dah jadi tabiat mereka minta kerusi lebih, tapi mereka tidak boleh 'deliver.'

"Kita tengok seperti ketika pilihan raya negeri di Sarawak, daripada 71 kerusi mereka bertanding 49, tetapi hanya menang tiga kerusi," tegas Abdul Rahman kepada The Malaysian Insider.

Menurutnya lagi, daripada jangkaannya, PR tidak akan mampu memenangi kerusi di Sabah terutamanya kerusi Bumiputera Islam.

"Di Sabah, PKR akan kalah teruk dalam banyak kerusi, terutamanya kerusi Bumiputera Islam yang mempunyai lingkungan 33 hingga 34 kerusi," katanya lagi.>

Bumburing sebelum ini adalah timbalan presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) kini memimpin pergerakan Angkatan Perubahan Sabah (APS).

Bersama-sama dengan ketua Pertubuhan Pakatan Perubahan Sabah (PPPS) Datuk Seri Lajim Ukin (**gambar**) yang juga bekas ahli parlimen Barisan Nasional Umno Sabah, kedua-dua pergerakan pro PR itu membantu menyusun barisan pembangkang untuk menumbangkan BN.

Azmin mengatakan tuntutan awal SAPP untuk bertanding 40 daripada 60 kerusi dewan undangan negeri adalah tidak munasabah, kerana ia hanya meninggalkan 20 kerusi bagi parti pembangkang lain berkongsi sesama sendiri.

"Pada mulanya, mereka mahukan 40 kerusi, dan ini tidak boleh diterima oleh PKR kerana kita ada PAS, DAP, APS dan PPPS... kita semua mesti bekerjasama.

"Kemudian mereka kata bersedia untuk mengurangkan bilangan kerusi tetapi angka terakhir, paling banyak mereka boleh mengalah hanya kira-kira lima kerusi ... sekali lagi, masih sangat besar," katanya.

Ahli parlimen Gombak itu bagaimanapun, tidak mendedahkan angka kerusi PR, APS dan PPPS mahu berkongsi dengan SAPP, dengan mengatakan angka tersebut perlu diselesaikan di belakang tabir.

Johnny bagaimanapun yakin isu pembahagian kerusi antara pembangkang di Sabah itu akan membuatkan penerimaan masyarakat terhadap BN semakin meningkat.

"Saya yakin penerimaan rakyat terhadap PR tidak semacam kepada BN ... bersama BN kita boleh duduk sama dan bincang masalah.

"Dengan masalah yang berlaku sekarang ini, ia bukan contoh yang baik untuk mentadbir negara, apa yang PR lakukan hanyalah semata-mata untuk politik PRU," tegasnya.

Pemerhati bagaimanapun percaya SAPP adalah komponen penting bagi perjuangan PR di Sabah dan tanpa mereka bersama, perlawanan pembangkang boleh menjadi tiga atau empat penjuror, yang akan memecahkan lagi undi pembangkang dan mencerahkan lagi peluang BN.

Satu lagi halangan PR di negeri tersebut adalah parti baru STAR (Parti Pembaharuan Negeri) – pergerakan yang diketuai oleh ahli politik licik Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang turut mempunyai pengaruh di jiran mereka Sarawak.

SAPP atau PR kedua-duanya belum berjaya setakat ini dalam rundingan dengan STAR, dan Jeffrey, yang merupakan adik ahli politik veteran dan presiden PBS Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dari BN — juga meletak orang-orangnya di majoriti atau semua 60 kerusi Dun di seluruh Sabah dalam pilihan raya akan datang.

Sebaik sahaja Bumburing dan Lajim keluar dari BN Julai lalu, Jeffrey memberitahu The Malaysian Insider beliau tidak gentar dengan dua orang kuat itu yang menyertai perlawanan pembangkang untuk Sabah.

Akan tetapi, beliau berkata, untuk kepentingan Sabah, semua parti pembangkang mesti bekerjasama untuk menjatuhkan BN dan tidak menunjukkan siapa lebih berkuasa berbanding yang lain.

Pemerhati juga percaya ini boleh meletakkan PR di belakang, terutamanya oleh kerana pakatan tersebut melihat pilihan raya akan datang sebagai peluang terbaik lagi untuk merampas kuasa negeri dan persekutuan dari BN.

Namun beliau menambah bahawa kedua-dua pihak (SAPP-STAR) mungkin akan melalui satu lagi pertembungan apabila cuba untuk membahagikan kerusi di kalangan mereka, kerana kedua-dua belah pihak percaya mereka perlu mengambil bahagian yang besar.

Sementara itu, The Malaysian Insider juga difahamkan rundingan kerusi antara tiga teras PR PKR, PAS dan DAP, serta APS dan PPPS, sudah hampir selesai.

Telah dipersetujui APS milik Bumburing dan PPPS milik Lajim akan membariskan calon-calon mereka di bawah PKR, dan membantu parti untuk memenangi undi dari komuniti penting negeri tersebut Kadazandusun dan Murut serta komuniti Melayu.

Dalam Pilihan Raya 2008, BN kehilangan majoriti tradisi dua pertiga sebahagian besarnya kerana di semenanjung, mereka hanya menang 85 kerusi dan pembangkang merampas 80 kerusi.

Sabah, Sarawak dan Labuan jelas merupakan penyelamat BN apabila parti pemerintah itu mengalahkan pembangkang dengan memenangi 55 kerusi parlimen berbanding dua kerusi oleh pembangkang.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bn-sabah-jangka-kemelut-pembahagian-kerusi-pembangkang-kelebihan-untuk-bn/>